
PERLAKUAN BULI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA

*Pg Razmahayati Pg Hj Mahmud¹, Halimah Ma'alip², Balan
Rathakrishnan³, Suraya Ramli⁴, & Wan Utma Mazrah Wan Abdul
Samad⁴

¹Institusi Penjara Wanita, Jerudong, Negara Brunei Darussalam

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

³Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

⁴Center of Actural Studies, UITM, Malaysia

*Corresponding email: razms@hotmail.com

Received date: 17 February 2023; Accepted date: 26 March 2023

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap, jenis dan faktor perlakuan buli serta program intervensi yang terdapat di sekolah menengah agama. Seramai 400 orang pelajar di empat buah negeri, iaitu Kelantan, Terengganu, Melaka dan Johor telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan tinjauan dan persampelan dilakukan secara persampelan rawak mudah kelompok atas kelompok. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah $\alpha = 0.8234$. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows*. Statistik deskriptif iaitu frekuensi dan min digunakan untuk menganalisis tahap perlakuan buli manakala statistik inferensi iaitu regresi berganda digunakan untuk mengenal pasti faktor peramal kepada perlakuan buli dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa tahap perlakuan buli berada pada tahap sederhana. Manakala aspek yang paling mempengaruhi perlakuan buli adalah dari aspek kewangan. Kajian juga mendapati bahawa dua peramal, iaitu akademik dan kewangan dapat menyumbang 7.4 peratus kepada perlakuan buli.

Katakunci: Perlakuan Buli, Pelajar, Sekolah Agama

PENGENALAN

Dalam dunia yang serba moden, institusi sekolah pada hari ini terdiri daripada pelbagai jenis latar belakang pelajar termasuk golongan yang berada, pelajar yang hidup dalam serba kemiskinan, pelajar yang mempunyai ibu bapa yang sangat muda serta tidak kurang juga para pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Malangnya, sangat mendukacitakan apabila kuasa untuk mengawal dan mendidik para pelajar ini semakin terhad. Pengawasan dan pengawalan ibu bapa terhadap pelajar juga sudah semakin lemah menyebabkan para pelajar pada hari ini kurang hormat kepada organisasi yang lebih tinggi termasuklah institusi sekolah. Sebagai hasilnya, institusi sekolah pada hari ini dibebani dengan berbagai-bagai masalah termasuklah pelajar yang terlibat dengan aktiviti kongsi gelap, menyimpan senjata, penyalahgunaan dadah, seks bebas, rogol, bunuh dan salah laku buli. Masalah sebegini bukan sahaja akan mencemarkan nama baik institusi pendidikan malah perlu ditangani dengan segera kerana sudah berada pada tahap yang membimbangkan. Perlakuan buli dilihat sebagai ancaman utama dalam pembentukan sosialisasi positif antara masyarakat terutama komuniti setempat (Cheng, Newman, Qu, Mbulo, Chai, Chen & Shell, 2009 & Georgiou, Fousiani, Michaelides & Stavrinides, 2013).

Sejak akhir-akhir ini, isu salah laku buli telah mendapat perhatian daripada banyak pihak. Pakar-pakar dalam bidang pendidikan dan psikologi dari seluruh dunia telah memperkembangkan dan meluaskan kajian mereka terhadap isu ini. Kejadian buli sentiasa berlaku di sekolah, namun kajian secara meluas hanya berlaku pada abad ke-20. Kajian mengenai buli telah dimulakan secara meluas oleh Olweus (1978) di Scandinavia yang kemudiannya telah tersebar ke serata dunia. Sebagai contoh, buli telah dikenal pasti sebagai masalah yang sangat besar di Amerika (Dodge *et al*, 1990), Australia (Rigby & Slee, 1991), Japan (Hirano, 1992) dan Britain (Whitney & Smith, 1993).

Buli merupakan satu perlakuan ganas dan boleh menyebabkan kesakitan yang dilakukan oleh individu atau kumpulan yang lebih kuat kepada golongan yang lebih lemah. Perlakuan ini tidak sama seperti pergaduhan antara dua pihak yang sama kuat, sebaliknya berlaku kepada golongan yang lemah sehingga buli biasanya akan sentiasa berulang serta sangat digemari dan dianggap sebagai sesuatu yang menyeronokkan bagi pembuli tanpa memikirkan sebab dan akibatnya. Seseengah pendapat menyatakan bahawa buli merupakan pengalaman yang normal dan tidak

memudaratkan. Namun begitu, perlakuan buli akan menyumbangkan masalah dan kesan yang serius kepada mangsanya. Yaakub (2006), mendefinisikan buli sebagai tingkah laku agresif sama ada fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan bertujuan mendatangkan perasaan tidak seronok. Menurut statistik yang didedahkan oleh Musu-Gillete et.al. (2017) berhubung dengan insiden buli dalam kalangan pelajar berumur antara 13 dan 14 tahun, Malaysia menduduki tempat ke-7 daripada 53 negara yang mengambil bahagian dalam kajian tersebut.

Menurut Ross (1998), buli terbahagi kepada dua bentuk iaitu secara langsung ataupun tidak langsung. Buli yang berlaku secara langsung biasanya melibatkan serangan fizikal manakala buli dalam bentuk tidak langsung pula adalah lebih kepada penggunaan verbal. Olweus (1991) menyatakan bahawa tahap perlakuan buli yang berlaku antara pelajar lelaki dengan perempuan adalah berbeza. Pelajar lelaki adalah lebih kasar dan ganas dan melakukan buli secara fizikal manakala pelajar perempuan lebih kepada buli secara verbal seperti penyebaran gosip, fitnah dan manipulasi persahabatan. Menurut Mahadi (2007), tingkah laku buli yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti faktor biologi atau perangai, pengaruh keluarga, rakan sebaya dan persekitaran telah menyebabkan masalah ini terus berleluasa dalam kalangan para pelajar, khususnya pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian yang beliau jalankan, menunjukkan bahawa ciri-ciri tingkah laku buli jenis fizikal adalah yang paling dominan dilakukan oleh pembuli dan mangsa.

Memandangkan institusi sekolah merupakan tempat yang paling penting dalam proses pembelajaran, yang sepatutnya melahirkan pelajar yang cemerlang dan seimbang dalam semua bidang, maka kajian ini akan mengenal pasti tahap, jenis serta faktor perlakuan buli yang wujud di sekolah menengah agama yang kebelakangan ini telah menjejaskan reputasi institusi sekolah sebagai pusat perkembangan ilmu serta jati diri bangsa. Sehubungan itu, kajian ini ingin mengkaji sejauh mana kewujudan program intervensi pencegahan buli di sekolah menengah agama. Ini kerana perlakuan buli merupakan suatu masalah yang memerlukan penyelesaian dan pencegahan serta program intervensi (Noran Fauziah et.al., 2009).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan. Kajian ini mengkaji perbezaan antara jenis perlakuan buli dan perlakuan buli dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Hubungan antara program intervensi dengan perlakuan buli turut dikenal pasti. Sampel kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 di empat buah negeri di Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Melaka dan Johor. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik yang diambil daripada kajian lepas. Menurut Azizi et. al (2017) instrumen berbentuk soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk dianalisis. Item soal selidik pada bahagian faktor perlakuan buli dibina sendiri berdasarkan pembacaan daripada kajian lepas. Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan untuk menentukan kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman soal selidik. Kebolehpercayaan soal selidik secara keseluruhan adalah 0.8234. Data-data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows*. Statistik deskriptif iaitu frekuensi dan min digunakan untuk menganalisis tahap perlakuan buli. Analisis inferensi Regresi Berganda digunakan melihat faktor akademik, keluarga dan kewangan sebagai peramal kepada perlakuan buli dalam kalangan pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan dilakukan dengan meletakkan kategori rendah, sederhana dan tinggi pada tahap perlakuan buli. Min kepada jawapan responden dikategorikan kepada skala yang berikut:

Kategori	Skala
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00
Jumlah	400

Analisis Tahap Perlakuan Buli

Jadual 1: Tahap Perlakuan Buli

Tahap	Kekerapan	Peratus
Tinggi	32	8.0
Sederhana	236	59.0
Rendah	132	33.0
Jumlah	400	100.0

Jadual 1 menunjukkan tahap perlakuan buli responden dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap buli yang sederhana dari segi perlakuan, iaitu seramai 236 orang (59.0 peratus). Manakala 132 orang (33.0 peratus) pelajar menghadapi tahap buli yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap buli yang tinggi, iaitu seramai 32 orang (8.0 peratus).

Analisis faktor penyebab yang dominan kepada perlakuan buli

Analisis faktor perlakuan buli dilakukan dengan melihat kepada tiga aspek yang mempengaruhi perlakuan buli responden, iaitu aspek akademik, aspek keluarga dan aspek kewangan. Setiap jenis aspek yang dinyatakan dianalisis dan dikategorikan mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Analisis faktor penyebab yang dominan kepada perlakuan buli dari aspek akademik

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Faktor Perlakuan Buli Dari Aspek Akademik

Tahap	Kekerapan	Peratus
Tinggi	75	18.8
Sederhana	281	70.2
Rendah	44	11.0
Jumlah	400	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut faktor perlakuan buli dari aspek akademik. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap buli yang sederhana dari faktor akademik iaitu seramai 281 orang (70.2 peratus). Manakala 75 orang (18.8 peratus) pelajar menghadapi tahap buli yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap buli yang tinggi iaitu seramai 44 orang (11.0 peratus).

Analisis faktor penyebab yang dominan kepada perlakuan buli dari aspek keluarga

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Faktor Perlakuan Buli Dari Aspek Keluarga

Tahap	Kekerapan	Peratus
-------	-----------	---------

Tinggi	17	4.2
Sederhana	56	14.0
Rendah	327	81.8
Jumlah	400	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut faktor perlakuan buli dari aspek keluarga. Hasil daripada kajian didapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap buli yang rendah dari segi aspek keluarga iaitu seramai 327 orang (81.8 peratus). Manakala 56 orang (14.0 peratus) guru menghadapi tahap buli yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap buli dari aspek keluarga yang tinggi iaitu seramai 17 orang (4.2 peratus).

Analisis faktor penyebab yang dominan kepada perlakuan buli dari aspek kewangan

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Faktor Perlakuan Buli Dari Aspek Kewangan

Tahap	Kekerapan	Peratus
Tinggi	131	32.75
Sederhana	218	54.5
Rendah	51	12.75
Jumlah	400	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut faktor perlakuan buli dari aspek kewangan. Hasil daripada kajian didapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap buli yang sederhana dari aspek kewangan iaitu seramai 218 orang (54.5 peratus). Manakala 131 orang (32.75 peratus) pelajar menghadapi tahap buli yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap buli dari aspek kewangan yang rendah iaitu seramai 51 orang (12.75 peratus).

Analisis Jenis Perlakuan Buli Yang Dominan

Analisis jenis perlakuan buli dilakukan dengan melihat kepada dua aspek iaitu aspek verbal dan aspek fizikal. Setiap jenis aspek yang dinyatakan dianalisis dan dikategorikan mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Analisis jenis perlakuan buli yang dominan dari aspek verbal

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Jenis Perlakuan Buli Yang Dominan daripada Aspek Verbal

Tahap	Kekerapan	Peratus
Tinggi	80	20.0
Sederhana	196	49.0
Rendah	124	31.0
Jumlah	400	100.0

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut jenis perlakuan buli dari aspek verbal yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap buli yang sederhana dari segi jenis buli secara verbal, iaitu seramai 196 orang (49.0 peratus). Manakala 124 orang (31.0 peratus) guru menghadapi tahap buli yang rendah. Selebihnya responden mempunyai tahap buli yang tinggi iaitu seramai 80 orang (20.0 peratus).

Analisis jenis perlakuan buli yang dominan dari aspek fizikal

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Jenis Perlakuan Buli Yang Dominan Dari Aspek Fizikal

Tahap	Kekerapan	Peratus
Tinggi	17	4.2
Sederhana	156	39.0
Rendah	227	56.8
Jumlah	400	100.0

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut jenis perlakuan buli dari aspek fizikal yang diperoleh oleh setiap responden. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap buli yang rendah dari segi fizikal iaitu seramai 227 orang (56.8 peratus). Manakala 156 orang (39.0 peratus) pelajar menghadapi tahap buli yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap buli yang tinggi iaitu seramai 17 orang (4.2 peratus).

Analisis faktor penyebab (akademik, keluarga dan kewangan) bukan merupakan peramal terhadap perlakuan buli

Pemboleh ubah bersandar adalah perlakuan buli mana kala pemboleh ubah bebas atau peramal adalah faktor akademik, keluarga dan kewangan. Keputusan analisis regresi berganda ditunjukkan dalam rajah 7.1 yang berikut.

Jadual 7.1: Ringkasan Model Regresi

Model 1	R	R Square	Adjusted R Square	SE of the Estimate	R Square Change	F Change	Beta	t	Sig.
1	.220 ^a	.049	.046	.78380	.049	20.298	.169	3.320	.000
2	.272 ^b	.074	.069	.77428	.025	15.821	.167	3.293	.001

- a. Peramal: (Tetap), f.akedmk
- b. Peramal: (Tetap), f.akedmk, f.wang
- c. Pembolehubah Bersandar: p.buli
- Model 1: F (1, 398=20.298), p<0.05
- Model 2: F (1, 397=15.821), p<0.05

Berdasarkan Jadual 7.1, analisis model 1 (akademik) R² adalah 0.049. R² yang lebih kecil, menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar (akademik) kurang dapat menjelaskan pemboleh ubah bersandar (perlakuan buli), F (1, 398) = 20.298, p < 0.05. Dilihat daripada jadual tersebut, faktor akademik ($\beta = 0.169$, t = 3.320, Sig = 0.000). Ini bermakna model tersebut hanya menyumbang 4.9 peratus sebagai peramal. Ia juga disokong oleh analisis varians, yakni p = 0.000 adalah jauh lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini bermakna faktor akademik merupakan peramal sebanyak 4.9 peratus kepada perlakuan buli.

Sementara itu, analisis perubahan nilai R² model 2 (kewangan) adalah 0.074. R² yang lebih kecil, kurang dapat menjelaskan pemboleh ubah tidak bersandar (kewangan) untuk menerangkan pemboleh ubah bersandar (perlakuan buli), F (1, 397) = 15.821, p < 0.05. Apabila dilihat daripada beta, faktor manipulasi sosial adalah ($\beta = 0.167$, t = 3.293, Sig = 0.001).

Ini bermakna model tersebut hanya menyumbang sebanyak 7.4 peratus sebagai peramal. Kesimpulannya juga disokong oleh analisis varians, yakni nilai $P = 0.001$ adalah jauh lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa dua peramal, iaitu akademik dan kewangan dapat menyumbang 7.4 peratus kepada perlakuan buli.

PERBINCANGAN

Pakar-pakar bidang penyelidikan buli seperti Olweus (1994, 2013), Slee, Ma, dan Taki (2003), Noran Fauziah (2006), serta Smith (2013) bersetuju bahawa buli adalah perbuatan agresif yang dilakukan dengan sengaja dan berulang kali untuk menyakiti mangsa. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapatlah dirumuskan bahawa tahap perlakuan buli di sekolah menengah agama adalah berada pada tahap sederhana. Bagi pelajar-pelajar tersebut, suasana seorang pelajar dipanggil dengan gelaran atau nama buruk oleh pelajar lain merupakan perlakuan buli yang paling kerap dilihat berlaku di sekolah menengah agama tempat mereka belajar. Ini diikuti dengan suasana sekumpulan pelajar ditertawakan dan diejek oleh pelajar lain, seorang pelajar menyinggung perasaan pelajar lain dan seorang pelajar dikasari oleh pelajar lain sehingga menyebabkan rasa marah. Irvan (2013) menyatakan iklim sekolah merupakan punca berlakunya gejala buli di mana sekolah sering mengabaikan keberadaan buli dan ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada pelaku untuk melakukan lagi perbuatan tersebut terhadap pelajar lain. Selain itu, hukuman yang tidak tegas dan tidak konsisten kepada pelaku menyebabkan pelaku tidak serik melakukan gejala buli lagi (Imanda, 2013).

Secara keseluruhannya, faktor yang dominan penyebab kepada perlakuan buli yang dilaporkan berlaku adalah faktor kewangan dengan nilai min tertinggi dan berada pada tahap sederhana dan diikuti dengan faktor akademik dan faktor keluarga. Ini berlaku kerana sikap sendiri yang ada dalam diri seseorang pelajar merupakan agen motivasi yang terbaik untuk menghalang mereka melakukan aktiviti buli. Kebanyakan responden yang terlibat juga merupakan dari kawasan luar bandar. Ini menyumbang kepada faktor kewangan yang rendah kerana kebanyakan ibu bapa responden mempunyai purata pendapatan yang sederhana. Dapatan ini disokong oleh kajian Azizi et.al. (2008) menyatakan tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan luar

bandar adalah lebih tinggi berbanding tahap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan bandar.

Jenis perlakuan buli yang dominan dilaporkan kerap berlaku adalah jenis perlakuan buli secara verbal yang berada pada tahap sederhana berbanding perlakuan buli secara fizikal yang berada pada tahap rendah. Menurut laporan pelajar-pelajar dari empat buah sekolah agama, ancaman dari segi verbal atau percakapan seperti penggilan nama yang tidak elok dan gelaran merupakan jenis perlakuan secara verbal yang paling kerap dilihat berlaku diikuti dengan pernyataan perasaan saya tersinggung dengan perbuatan pelajar lain dan pernyataan saya ditertawakan dan diejek. Perlakuan buli secara verbal dilaporkan lebih kerap berlaku berbanding perlakuan buli secara fizikal disebabkan para pelajar lebih terdedah kepada percakapan-percakapan yang tidak elok berbanding pergaduhan yang melibatkan anggota badan. Perlakuan buli secara verbal juga kebiasaannya melibatkan pelajar perempuan. Ini bertepatan dengan kajian (Abdul Latif, 2005; Ani Sarifah, 2019) melaporkan jenis tingkah laku buli yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah adalah berbentuk verbal. Biasanya mangsa digertak dengan ucapan atau kata-kata kotor dan kasar yang menyebabkan mangsa sakit hati bahkan cenderung takut. Berdasarkan penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik daripada Rutgers University-Camden, kanak-kanak perempuan lebih sering dibuli berbanding kanak-kanak lelaki.

Menurut responden lagi, majoriti daripada mereka bersetuju peraturan sekolah merupakan program atau tindakan intervensi pihak sekolah yang paling banyak dilakukan oleh pihak sekolah bagi mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah. Lembaga Disiplin Sekolah merupakan program atau tindakan yang kedua paling berkesan untuk mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah diikuti dengan program 'Menyediakan kaunselor untuk membantu dan membimbing pelajar Sekolah Angkat' serta diikuti dengan program implimentasi peraturan menggantung atau menyingkirkan pelajar dari persekolahan apabila mereka didapati bersalah melakukan tindakan ganas atau membuli.

KESIMPULAN

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perlakuan anak-anak. Maka pihak sekolah dengan kerjasama ibu bapa pelajar

melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlulah lebih banyak menganjurkan aktiviti yang melibatkan pelajar dan ibu bapa. Program-program motivasi dapat dilakukan kepada pelajar dan ibu bapa mereka untuk menyedarkan mereka tentang kepentingan peranan mereka. Selain itu, sebagai orang yang paling rapat dengan pelajar penglibatan ibu bapa dalam setiap program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah adalah sangat diperlukan. Di samping mereka dapat memantau perilaku anak-anak di rumah, para ibu bapa juga perlu diberikan maklumat dan kesedaran tentang masalah perlakuan buli ini.

Kementerian Pelajaran pula diharapkan dapat merangka dan mewujudkan model program anti buli yang khusus bagi mencegah dan menangani masalah perlakuan buli di sekolah. Model ini kemudiannya dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada setiap sekolah di seluruh negara dan dapat dijadikan sebagai asas kepada pembentukan program anti perlakuan buli yang disalurkan melalui kurikulum sekolah. Model ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai garis panduan umum kepada semua sekolah tentang perlakuan buli serta bagaimana pihak sekolah dapat menangani masalah tersebut di sekolah.

Peranan pihak guru adalah penting selain penglibatan ibu bapa untuk mengenal pasti punca sebenar berlakunya aktiviti buli secara verbal. Pemantauan boleh dilakukan oleh guru di dalam kelas serta mengawasi cara-cara pelajar berkomunikasi. Kementerian Pelajaran boleh merangka serta membentuk program latihan kepada guru-guru tentang bagaimana untuk mengenal pasti dan menangani masalah perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah. Ini dapat membantu pihak guru mengenal pasti tanda-tanda awal masalah perlakuan buli seterusnya dapat bertindak atas arahan pihak sekolah untuk mencegah dan membantu pelajar yang mengalami masalah perlakuan buli. Kaunselor sekolah juga perlu berhubung dengan ibu bapa dan pelajar supaya bimbingan dan kaunseling dapat berjalan dengan baik.

Pernyataan Persetujuan Termaklum

Saya bagi pihak penulis lain bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam penerbitan penulisan ini.

Pernyataan Etika

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa penulisan ini memenuhi kaedah penulisan ilmiah yang sepatutnya dengan menuliskan senarai sumber rujukan bagi kutipan yang dibuat.

Sumbangan Pengarang

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa setiap orang penulis telah membuat sumbangan yang selayaknya dalam menghasilkan penulisan ini.

Dana

Saya bagi pihak penulis lain memaklumkan bahawa tiada dana khusus yang diperoleh dalam menghasilkan penulisan ini.

Penghargaan

Saya bagi pihak penulis lain ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian sehingga terhasilnya penulisan ini.

Pernyataan Ketersediaan Data

Saya bagi pihak penulis lain ingin menyatakan bahawa data kajian ini adalah hak milik pengkaji.

RUJUKAN

- Ani Sarifah Hidayati. (2019). Analisis Faktor-faktor Penyebab Bullying di Kalangan Peserta Didik Era Milenial. Universitas Muhammadiyah, Surakarta.
- Azizi Yahaya, Sri Kartika Abd Rahman, Abu Bakar Madin, Hanapi Mohamad, Suraya Tarasat dan Baharudin Mohd Arus. (2017). *Membuat Penyelidikan Dengan Mudah*. (1st ed). Bandar Seri Begawan. UNISSA Press.

- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa, Zurhana. (2008). Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar-Pelajar di Sekolah Menengah dan Rendah di Malaysia.
- Cheng, Yulan; Newman, Ian, M.; Qu, Ming; Mbulo, Lazarous; Chai, Yan; Chen, Yan & Shell, Duanne F. (2009). Being Bullied and Psychosocial Adjustment Among Middle School Students in China. *Journal of School Health*, 80(4), 193-199.
- Dodge, K. A., Coie, J. D., Pettit, G. S., & Price, J. M. (1990). Peer status and aggression in boys groups: Development and contextual analyses. *Child Development*, 61, 1289-1309.
- Georgiou, Stelios N.; Fousiani, Kyriaki; Michaelides, Michalis & Stavrinides, Panayiotis. (2013). Cultural Value Orientation and Authoritarian Parenting as Parameters of Bullying and Victimization at School. *International Journal of Psychology*, 48(1), 69-78.
- Musu-Gillette, L., Zhang, A., Wang, K., Zhang, J., and Oudekerk, B.A. (2017). Indicators of school crime and safety: 2016 (NCES 2017-064/NCJ 250650). National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education, and Bureau of Justice Statistics, Office of Justice Programs, U.S. Department of Justice. Washington, DC
- Irvan, U. (2013). Kepribadian, komunikasi, kelompok teman sebaya, iklim sekolah dan perilaku buli. *Jurnal Humanitas*, 10, 1, 49 – 60.
- K. Mahadi. (2007). *Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak*. Batu Lintang: Institut Perguruan Batu Lintang.
- N. F. Yaakub. (2006). *Hentikan Buli di Sekolah Anda: Panduan Sekolah Menengah*. Petaling Jaya: Sutrapadu.
- Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Buli di sekolah: Apa yang kita tahu dan apa yang boleh kita buat*. Kuala Lumpur: Sutrapadu (M) Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron & Ahmad Jazimin Jusih (2009). *Pencegahan buli di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Olweus, D. (1978) *Aggression in the Schools: Bullies and Whipping Boys*. Washington, DC: Hemisphere, Wiley.
- Olweus, D. (1991). Bully/victim problems among schoolchildren: basic facts and effects of a school-based Intervention programme. in D.

- Pepler & K. Rubin, (Eds.) *The Development and Treatment of Childhood Aggression*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Olweus D. (1994). Bullying at school: basic facts and effects of a school based intervention program *Child Psychology Psychiatry*; 35:1171-90.
- Olweus, D. (2013). School bullying: Development and some important challenges. *Annual Review of Clinical Psychology*, 9, 751-780.
- Rigby, K., & Slee, P.T. (1991). Bullying among Australian school children: Reported behaviour and attitudes towards victims. *Journal of Social Psychology*, 131, 615-627.
- Ross, D. M. (1996). *Childhood Bullying and Teasing: What School personnel other professional and parents can do*. Alexandria, American Counselling Association.
- Smith, P. K. (2013). School bullying. *Sociologia, Problemas e Práticas*, 71, 81-98.
- Slee, P. T., Ma, L., & Taki, M. (2003). Bullying in schools. In J. P. Keeves, & R. Watanabe (Eds.), *International handbook of educational research in the Asia - Pacific region*. 425-439. Dordrecht: Kluwer Academic Publisher
- Whitney, I. & Smith, P. K. (1993). A survey of the nature and extent of bullying in junior/middle and secondary schools. *Educational Research*, 35: 3-25.
- A. T. A. Termizi, "Buli: Tanggungjawab Semua," *Utusan Online*, vol. 494455. [Online]. Available: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/buli-tanggungjawab-semua-1>. [Accessed 2017]